

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

**SOALAN LAZIM (FAQ)
PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
A. Pengenalan Program	2
B. Permohonan	10
C. Pengajian Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)	14
D. Pemilihan dan Penempatan	16
E. Peluang Pendidikan dan Kerjaya	17
F. Tawaran dan Pendaftaran	18
G. Rayuan	21
H. Penangguhan	23
I. Kebajikan	24
J. Pengajaran dan Pembelajaran	26

A. PENGENALAN PROGRAM

1. Bilakah Program Matrikulasi ditubuhkan dan apakah keistimewaannya?

Penubuhan Program Matrikulasi bermula hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai persediaan pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Mulai sesi 2003/2004, 10 peratus daripada keseluruhan pelajar Program Matrikulasi ditawarkan kepada pelajar bukan bumiputera.

Keistimewaan Program Matrikulasi ialah:

- a) Program ini diiktiraf oleh semua UA dan turut diiktiraf oleh universiti terkemuka luar negara.
- b) Program ini menawarkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan pembangunan kemahiran insaniah. Pelajar Program Matrikulasi berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- c) Lulusan Program Matrikulasi akan menerima Sijil Matrikulasi yang melayakkan mereka memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada Gred 29 dalam 39 skim perkhidmatan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017).
- d) Kos pengajian dan penginapan ditanggung oleh Kerajaan. Semua pelajar Program Matrikulasi hanya perlu membayar yuran pendaftaran sahaja semasa mendaftar.

- e) Terdapat 15 buah kolej matrikulasi di seluruh Malaysia dan 2 Kolej MARA yang mengendalikan Program Matrikulasi.

2. Apakah jurusan dan aliran yang ditawarkan serta tempoh pengajian?

Program Matrikulasi menawarkan empat jurusan iaitu:

- a) Jurusan Sains (Dua Semester dan Empat Semester):
- i. Aliran Sains Hayat
 - ii. Aliran Sains Fizikal
 - iii. Aliran Sains Komputer
- b) Jurusan Kejuruteraan (Dua Semester):
- i. Aliran Asas Kejuruteraan
 - ii. Aliran Kejuruteraan Awam
 - iii. Aliran Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 - iv. Aliran Kejuruteraan Mekanikal
- c) Jurusan Perakaunan (Dua Semester)
- d) Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) (Dua Semester)

3. Apakah Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)?

JPPro mula diperkenalkan pada tahun 2018 bagi melayakkan pelajar menjadi Akauntan Bertauliah dalam masa yang singkat.

4. Berapakah tempoh pengajian JPPro dan dimanakah kolej yang menawarkan jurusan ini?

Pelajar akan mengikuti JPPro di Kolej Matrikulasi Selangor (KMS) selama 1 tahun dan akan menyambung pengajian ke UiTM selama 2 ½ tahun.

5. Apakah jurusan yang ditawarkan di kolej matrikulasi?

- a) Jurusan Sains ditawarkan di semua kolej matrikulasi dan Kolej MARA Kulim **kecuali** di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan dan Kolej MARA Kuala Nerang.
- b) Jurusan Kejuruteraan **hanya** ditawarkan di:
 - i. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah
 - ii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang
 - iii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor
- c) Jurusan Perakaunan ditawarkan di semua kolej matrikulasi dan Kolej MARA Kuala Nerang **kecuali** Kolej Matrikulasi Kejuruteraan, Kolej Matrikulasi Sarawak dan Kolej MARA Kulim.
- d) Jurusan Perakaunan Profesional **hanya** ditawarkan di Kolej Matrikulasi Selangor.

6. Di manakah letaknya kolej matrikulasi?

Kolej matrikulasi seperti dalam senarai yang berikut:

- a) Perlis:

Kolej Matrikulasi Perlis

Kementerian Pendidikan Malaysia,

02600 Arau, Perlis.

Tel: 04-9868613

Laman Sesawang: <http://www.kmp.matrik.edu.my>

b) Kedah:

i. Kolej Matrikulasi Kedah

Kementerian Pendidikan Malaysia,

06010 Changlun, Kedah.

Tel: 04-9286100

Laman Sesawang: <http://www.kmk.matrik.edu.my>

ii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Pokok Tai, 06720 Pendang, Kedah.

Tel: 04-4682508

Laman Sesawang: <http://www.kmkk.matrik.edu.my>

iii. Kolej MARA Kuala Nerang

Lot 556, Daerah Padang Terap,

06300 Kuala Nerang, Kedah

Tel: 04-7867250

Laman Sesawang: <http://www.kmkn.edu.my>

iv. Kolej MARA Kulim

Jalan Junjong,

09000 Kulim, Kedah.

Tel: 04-4906422

Laman Sesawang: <http://www.kmkulim.edu.my>

c) Pulau Pinang:

Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

Kementerian Pendidikan Malaysia,
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.

Tel: 04-5756090

Laman Sesawang: <http://www.kmpp.matrik.edu.my>

d) Perak:

Kolej Matrikulasi Perak

Kementerian Pendidikan Malaysia,
31600 Gopeng, Perak.

Tel: 05-3594449

Laman Sesawang: <http://www.kmpk.matrik.edu.my>

e) Kelantan:

Kolej Matrikulasi Kelantan

Kementerian Pendidikan Malaysia,
Beg Berkunci No. 3,
16810 Selising, Kelantan.

Tel: 09-7808000

Laman Sesawang: <http://www.kmkt.matrik.edu.my>

f) Pahang:

i. Kolej Matrikulasi Pahang

Kementerian Pendidikan Malaysia,
26300 Gambang, Pahang.

Tel: 09-5495000

Laman Sesawang: <http://www.kmph.matrik.edu.my>

ii. **Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang**

Kementerian Pendidikan Malaysia,

26400 Bandar Jengka, Pahang.

Tel: 09-4677103

Laman Sesawang: <http://www.kmkph.matrik.edu.my>

g) Selangor:

Kolej Matrikulasi Selangor

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Kathong Mukim Jugra,

42700 Banting, Selangor

Tel: 03-31201410

Laman Sesawang: <http://www.kms.matrik.edu.my>

h) Negeri Sembilan:

Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

Kementerian Pendidikan Malaysia,

72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Tel: 06-4841825

Laman Sesawang: <http://www.kmns.matrik.edu.my>

i) Melaka:

Kolej Matrikulasi Melaka

Kementerian Pendidikan Malaysia,

78300 Masjid Tanah, Melaka.

Tel: 06-3832000

Laman Sesawang: <http://www.kmm.matrik.edu.my>

j) Johor:

i. Kolej Matrikulasi Johor

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Jalan Payamas,

84900 Tangkak, Ledang, Johor.

Tel: 06-9781613

Laman Sesawang: <http://www.kmj.matrik.edu.my>

ii. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor

Kementerian Pendidikan Malaysia,

KM 5, Jalan Kukup,

Mukim Rimba Terjun, 82000 Pontian, Johor.

Tel: 07-6881629

Laman Sesawang: <http://www.kmkj.matrik.edu.my>

k) Wilayah Persekutuan Labuan:

Kolej Matrikulasi Labuan

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Jalan OKK Daud, Merinding,

Peti Surat 81735,

87027 Wilayah Persekutuan Labuan.

Tel: 087-465311

Laman Sesawang: <http://www.kml.matrik.edu.my>

l) Sarawak:

Kolej Matrikulasi Sarawak

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Lot 216, Fasa II,

Taman Perindustrian Sejingkat,

Peti Surat P17, 93457 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-439100

Laman Sesawang: <http://www.kmsw.matrik.edu.my>

B. PERMOHONAN**7. Bagaimanakah memohon Program Matrikulasi?**

Pelajar lepasan SPM 2021 boleh memohon ke Program Matrikulasi melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

8. Saya belum memohon, adakah masih ada peluang untuk memohon selepas keputusan SPM diumumkan?

Ya. Permohonan kemasukan ke Program Matrikulasi fasa 2 dibuka mulai 1 - 20 Jun 2022. Layari pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

9. Apakah syarat permohonan ke Program Matrikulasi?

Syarat permohonan ialah:

- i. Umur tidak melebihi 20 tahun semasa permohonan;
- ii. Warganegara Malaysia; dan
- iii. Pemohon mestilah calon SPM tahun semasa.

10. Apakah syarat kelayakan minimum kemasukan ke Program Matrikulasi?

Syarat kelayakan minimum kemasukan ke Program Matrikulasi ialah memperoleh sekurang-kurangnya gred berikut dalam peperiksaan SPM 2021:

- i. **Jurusan Sains**
 - C** Bahasa Melayu;
 - C** Bahasa Inggeris;
 - B** Matematik;
 - C** Matematik Tambahan;
 - C** Kimia;

C Fizik atau Biologi dan
Lulus Sejarah

ii. **Jurusan Kejuruteraan**

C Bahasa Melayu;

C Bahasa Inggeris;

B Matematik;

C Matematik Tambahan;

C Fizik;

Lulus Kimia;

Lulus Sejarah dan

C dalam **satu** daripada mata pelajaran berikut:

Biologi/ Sains Tambahan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/
Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/
Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi
Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/
Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan
Mekanikal/

Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Kimia.

iii. **Jurusan Perakaunan**

C Bahasa Melayu;

C Bahasa Inggeris;

C Matematik;

Lulus Sejarah dan

C dalam **tiga** daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/
Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/
Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/

Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/
Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/
Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/
Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan
Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/
Matematik Tambahan.

iv. **Jurusan Perakaunan Profesional**

C Bahasa Melayu;

A- Bahasa Inggeris;

A Matematik;

C Matematik Tambahan;

Lulus Sejarah;

Lulus Ujian aptitud dan termuduga dan

A dalam **tiga** daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/
Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/
Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/
Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/
Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perniagaan/
Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/
Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan
Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik.

11. **Bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon Jurusan Perakaunan?**

Boleh. Semenjak tahun 2021, pelajar yang tidak mengambil Matematik Tambahan layak memohon Jurusan Perakaunan.


12. Selain daripada Jurusan Perakaunan, bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon jurusan lain?

Tidak Boleh. Matematik Tambahan merupakan mata pelajaran **wajib** untuk memohon Jurusan Sains, Kejuruteraan dan JPPro.

C. PENGAJIAN JURUSAN PERAKAUNAN PROFESIONAL (JPPro)

13. Apakah keistimewaan JPPro?

- Certified Accountant* (Akauntan bertauliah) pada umur 25 tahun;
- Kerjasama dengan UiTM, ACCA Malaysia dan diiktiraf oleh ACCA Global;
- Pelajar tamat dengan Sijil Matrikulasi dan layak menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Professional di UiTM.
- Perbezaan laluan kerjaya bagi Jurusan JPPro dengan laluan sedia ada adalah seperti berikut:



14. Apakah perbezaan antara Jurusan Perakaunan dengan Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)?

- Kursus yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian
 - Jurusan Perakaunan – *Mathematics*, Perakaunan, Ekonomi dan Pengurusan Perniagaan.
 - Jurusan Perakaunan Profesional – *Mathematics*, *Business and Technology*, *Management Accounting* dan *Financial accounting*.

- b) Peluang ke bidang pengajian:
- i. Jurusan Perakaunan - Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Pengurusan Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain.
 - ii. Jurusan Perakaunan Profesional - Sijil Akauntan Bertauliah yang dianugerahkan oleh *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), Perakaunan, Pengurusan, Ekonomi dan lain-lain.

15. Selepas tamat JPPro di matrikulasi, saya tidak berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional, adakah saya boleh menyambung pengajian dalam bidang lain?

Boleh. Anda masih boleh menyambung pengajian dalam bidang lain pada peringkat ijazah pertama seperti perakaunan, pengurusan, ekonomi dan lain-lain.

16. Dimanakah saya akan menyambung pengajian selepas JPPro program matrikulasi?

Pelajar akan menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional (ACCA) di UiTM Shah Alam sahaja.

D. PEMILIHAN DAN PENEMPATAN**17. Bagaimanakah pemilihan pelajar dibuat?**

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan meritokrasi. Pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Manakala bagi JPPro **hanya** ditawarkan kepada pelajar Bumiputera yang lulus ujian aptitud dan temu duga.

18. Apa yang berlaku sekiranya saya tidak lulus ujian aptitud dan temu duga JPPro?

Anda **tidak** akan ditawarkan ke JPPro tetapi akan ditawarkan ke jurusan lain yang layak.

19. Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan boleh ditempatkan di Semenanjung Malaysia?

Tidak, kecuali pelajar yang ditawarkan **Jurusan Kejuruteraan** dan **JPPro** serta kes-kes khas.

E. PELUANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA

20. Apakah bidang yang boleh diceburi di peringkat ijazah pertama bagi setiap jurusan yang ditawarkan?

- a) **Jurusan Sains** – Perubatan, Kejuruteraan, Pergigian, Farmasi, Sains, Teknologi Maklumat, Seni Bina, Kejururawatan, Sains Forensik, Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain.
- b) **Jurusan Kejuruteraan** – Kejuruteraan, Seni Bina, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan bidang teknikal lain.
- c) **Jurusan Perakaunan** – Perakaunan, Pengurusan, Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Awam/ Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain.
- d) **Jurusan Perakaunan Profesional** – Sijil Profesional Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di UiTM, Perakaunan, Perniagaan, Ekonomi dan lain-lain.

F. TAWARAN DAN PENDAFTARAN

21. Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi?

Calon boleh menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> mulai **16 Julai 2022** (tertakluk kepada perubahan semasa).

22. Adakah saya akan menerima lebih daripada satu tawaran. Contoh: Program Matrikulasi, IPGM, asasi, diploma dan sebagainya.

Ya. Anda berkemungkinan akan mendapat satu tawaran daripada Program Matrikulasi atau IPGM dan satu tawaran lagi jika memohon UPU, MARA dan lain-lain.

23. Apakah yang perlu saya lakukan untuk terima tawaran Program Matrikulasi?

Anda perlu:

- a) Layari <http://matrikulasi.moe.gov.my>, klik butang setuju terima, muat turun dokumen dan ikuti langkah-langkah yang dinyatakan;
- b) membuat pembayaran yuran di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara dalam talian mengikut jumlah yang ditetapkan;
- c) mendaftar secara dalam talian mengikut kolej masing-masing.

24. Bagaimana kaedah pendaftaran pelajar baharu Program Matrikulasi Sesi 2022/2023?

Pendaftaran pelajar baharu akan dilaksanakan secara dalam talian mulai **16 – 23 Julai 2022** (tertakluk kepada perubahan semasa). Pelajar perlu mendaftar di laman sesawang kolej masing-masing. Sekiranya anda mengalami masalah untuk mendaftar secara dalam talian, anda boleh menghubungi pihak kolej di talian seperti dalam Soalan No. 6.

25. Apakah yuran yang perlu dibayar oleh pelajar Program Matrikulasi?

Hanya yuran pendaftaran sahaja yang dikenakan. Kos pengajian dan kos penginapan adalah ditanggung sepenuhnya oleh.

26. Adakah saya perlu menginap di asrama sepanjang pengajian dalam Program Matrikulasi?

Ya. Semua pelajar diwajibkan menginap di asrama yang disediakan secara percuma.

27. Berapakah yuran pendaftaran yang dikenakan kepada pelajar Program Matrikulasi?

Perincian yuran pendaftaran seperti berikut:

Jurusan	Pengajian Dua Semester		Pengajian Empat Semester
	Kolej Matrikulasi	Kolej MARA	
Sains	RM599.60	RM920.00	Semester I: RM599.60
			Semester III: RM296.60
Kejuruteraan			
Perakaunan	RM546.60	RM920.00	
Perakaunan Profesional (JPro)*	RM546.60		

* Bayaran tambahan untuk JPro:

Semester I – RM600 untuk pembelian buku

Semester II – RM1,690.00 untuk yuran peperiksaan ACCA

G. RAYUAN

28. Bilakah saya boleh membuat rayuan sekiranya tidak mendapat tawaran kemasukan ke Program Matrikulasi?

Rayuan boleh dibuat **secara dalam talian sahaja** melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> selepas keputusan calon jaya diumumkan secara rasmi.

29. Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan rayuan ke Program Matrikulasi?

Keputusan rayuan boleh disemak melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>. Keputusan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

30. Saya memohon Jurusan Sains semasa mengisi borang permohonan secara dalam talian dan saya berjaya ditawarkan Jurusan Sains. Namun sekarang saya lebih berminat dengan Jurusan Perakaunan. Apa yang perlu saya lakukan?

Permohonan pertukaran jurusan adalah seperti berikut:

- a) Jurusan Sains Sistem Dua Semester (SDS) ke Jurusan Perakaunan – permohonan dibuat kepada Pengarah kolej masing-masing.
- b) **Selain** daripada Jurusan Sains ke Perakaunan – permohonan dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> pada **16 Julai 2022**.
- c) Tarikh keputusan rayuan pertukaran jurusan akan dimaklumkan kemudian. Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.

- d) Walau bagaimanapun kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan.

31. Bolehkah saya memohon pertukaran kolej?

- a) **Tidak.** Kecuali memenuhi syarat berikut:
- i. Pelajar memerlukan rawatan perubatan berkala disebabkan sakit kronik yang berpanjangan;
 - ii. Adik-beradik ditempatkan di kolej matrikulasi yang berlainan; atau
 - iii. Pertukaran dari Semenanjung ke Sabah/ Sarawak atau sebaliknya.
- b) Semua permohonan rayuan pertukaran kolej boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my> selepas keputusan rasmi diumumkan.
- c) Tarikh keputusan rayuan pertukaran kolej akan dimaklumkan kemudian. Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://matrikulasi.moe.gov.my>.
- d) Kelulusan pertukaran adalah bergantung kepada kekosongan.

32. Bagaimanakah aliran dalam Jurusan Sains ditentukan?

Penetapan aliran dalam Jurusan Sains ditentukan mengikut kolej masing-masing. Sekiranya anda ingin memohon pertukaran aliran, anda boleh membuat rayuan terus kepada pihak kolej.

H. PENANGGUHAN

33. Bolehkah saya menanggung pendaftaran?

Tidak boleh. Kecuali masalah kesihatan, kematian, kemalangan dan lain-lain dengan merujuk pihak pengurusan kolej yang ditawarkan.

34. Adakah saya dibenarkan untuk menanggung pengajian?

Ya. Anda dibenarkan sekiranya mengalami masalah kesihatan kronik yang memerlukan rawatan berterusan.

- a) Walau bagaimanapun anda perlu mendaftar di kolej matrikulasi yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum memohon penangguhan pengajian.
- b) Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah kolej masing-masing.

I. KEBAJIKAN

35. Adakah bantuan pendidikan disediakan?

Bagi pelajar daripada keluarga B40, M40 dengan had pendapatan isi rumah sebanyak RM10,000.00 ke bawah akan diberi bantuan sara hidup pelajar sebanyak RM1,250.00 setiap semester.

36. Bilakah bantuan sara hidup pelajar (BSHP) akan diterima oleh pelajar?

Pelajar yang layak akan menerima BSHP dalam tempoh 43 hari selepas kolej menerima dokumen yang lengkap. Pembayaran akan dibuat terus ke akaun pelajar.

37. Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi di Semenanjung diberikan bantuan tiket penerbangan?

- a) Pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditawarkan pengajian Program Matrikulasi di Semenanjung layak membuat tuntutan tiket penerbangan pergi dan balik sekali sepanjang pengajian. Pelajar perlu membeli tiket penerbangan terlebih dahulu dan membuat tuntutan selepas pembelian di kolej masing-masing.
- b) Walau bagaimanapun, pelajar Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang ditempatkan di Kolej Matrikulasi Sarawak atau Kolej Matrikulasi Labuan tidak layak membuat tuntutan tiket penerbangan.

38. Adakah saya akan dikenakan penalti jika berhenti sebelum tamat pengajian Program Matrikulasi?

Ya. Anda dikehendaki membayar penalti sekiranya anda menarik diri atau meninggalkan pengajian sebelum menyempurnakan pengajian itu tanpa **mendapat kelulusan** daripada KERAJAAN terlebih dahulu mengikut Fasal 7 yang dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Pelajar Program Matrikulasi (PPM/BM.1/99-Pin-4).

J. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

39. Bila dan bagaimanakah Minggu Pengurusan Pelajar Baharu dilaksanakan?

Minggu Pengurusan Pelajar Baharu akan dilaksanakan bermula pada **24 – 29 Julai 2022** (Tertakluk kepada perubahan semasa).

40. Apakah pakej kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi?

Kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi adalah:

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Sains	Sains Hayat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Biology</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>English</i> • Pengajian Am Matrikulasi • Pendidikan Islam/ Moral • Kokurikulum
	Sains Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Computer Science</i> 	
	Sains Komputer	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Biology</i> • <i>Computer Science</i> 	

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Kejuruteraan	Asas	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Basic Engineering</i> 	
	Awam	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Civil Engineering</i> 	
	Elektrik & Elektronik	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Electric & Electronic Engineering</i> 	
	Mekanikal	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Chemistry</i> • <i>Physics</i> • <i>Mechanical Engineering</i> 	
Perakaunan	-	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Accounting</i> • <i>Ekonomi</i> • <i>Pengurusan Perniagaan</i> 	

JURUSAN	ALIRAN	KURSUS TERAS	KURSUS WAJIB
Perakaunan Profesional	-	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • <i>Financial Accounting</i> • <i>Management Accounting</i> • <i>Business and Technology</i> 	

41. Bagaimanakah pencapaian akademik pelajar dinilai?

Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kaedah seperti berikut:

- a) Penilaian Berterusan (PB) – tugas individu/kumpulan, laporan amali, esei, pembentangan, ujian praktikal, forum dan lain-lain.
- b) Ujian Penilaian Sumatif (UPS).
- c) Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM).

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar.

42. Apakah syarat kelayakan pelajar untuk menerima Sijil Matrikulasi?

Pelajar layak menerima Sijil Matrikulasi jika memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- a) Berdaftar sebagai pelajar Program Matrikulasi.

- b) Mengambil sekurang-kurangnya empat kursus teras dan empat kursus wajib yang ditetapkan di Program Matrikulasi.
- c) Menamatkan pengajian Program Matrikulasi dalam tempoh yang ditetapkan dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0.

**SOALAN LAZIM (FAQ)
PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kemas kini pada 30 Mei 2022**